

29/05/2000

Dr Fadzil jawab dua minggu lagi

DATUK Dr Abdullah Fadzil Che Wan yang `menghilangkan diri' selepas Majlis Persatuan Badminton Malaysia (BAM) menolak perletakan jawatannya sebagai presiden Khamis lalu, dijangka mengumumkan pendiriannya dua minggu lagi.

Ketika ditemui di Taiping, Dr Fadzil berkata buat masa ini dia enggan membuat sebarang ulasan berhubung penolakan peletakan jawatannya oleh Majlis itu.

"Biarlah saya berehat dahulu. Saya akan nyatakan pendirian saya dalam tempoh dua minggu lagi ... tunggulah," katanya.

Ini adalah kenyataan pertama yang dikeluarkan Fadzil sejak Majlis sebulat suara menolak surat peletakan jawatan yang diberikan kepada timbalannya, Datuk Roland Wong pada 17 Mei, sehari selepas kekalahan skuad negara kepada Denmark di Piala Thomas.

Kekalahan itu terus meranapkan peluang negara mara ke separuh akhir, kali kedua dalam masa empat tahun dan kali pertama ketika Malaysia menjadi tuan rumah sejak 1984.

Skuad negara tewas 2-3 kepada Korea Selatan dan 1-4 kepada Denmark manakala hanya menang 4-1 ke atas India dalam pertarungan Kumpulan A.

Tindakan Dr Fadzil itu adalah untuk memenuhi janjinya sendiri yang dibuat selepas majlis undian Piala Thomas pada 21 Mac lalu - janji keduanya selepas turut berbuat demikian pada Julai 1996.

Sementara itu, Dr Fadzil turut mengulangi kekesalannya berhubung isu sepanduk bertulis `Presiden BAM Patut Letak Jawatan' yang muncul sebaik kekalahan Malaysia kepada Denmark pada 16 Mei lalu.

Bagi Dr Fadzil, tindakan itu seolah-olah dirancang pihak tertentu bagi mengaibkannya.

Pada masa yang sama beliau juga mendakwa ada dalang orang tempatan yang membuat dan menaikkan sepanduk `Denmark Boleh' apabila skuad negara berkenaan menumbangkan impian Malaysia, yang mana secara tidak langsung memalukan Malaysia yang sentiasa berpegang kepada semangat `Malaysia Boleh'.

Menurutnya, perbuatan berkenaan mencemarkan slogan `Malaysia Boleh' yang diilhamkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mencetuskan semangat yang membara di kalangan rakyat negara ini untuk melakukan yang terbaik untuk Malaysia.

Sebagai rekod, sepanduk `Denmark Boleh' yang dibawa oleh sekumpulan kecil penyokong Denmark sudah dipamerkan mereka sejak hari pertama ketika skuad Piala Uber negara itu menentang pasukan negara.

Malah, ia turut dibawa penyokong sama sehingga hari kedua terakhir apabila juara Eropah itu bermain di final Piala Uber menentang China.

Tidak cukup dengan itu, `kenakalan' penyokong Indonesia turut menyaksikan mereka lebih kreatif bermain perang psikologi apabila tampil dengan sepanduk `Indonesia lebih boleh'.

(END)